

ATURAN-ATURAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI SIMPANAN KHAS

KOPERASI JIMAT CERMAT DAN PINJAMAN MERCANTILE BHD **ATURAN-ATURAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI SIMPANAN KHAS**

1. TAJUK

- 1.1 Aturan-Aturan ini adalah dinamakan “Aturan-Aturan Bagi Menjalankan Aktiviti Simpanan Khas Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad”.
- 1.2 Aturan-Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 8 (3) dan dikuatkuasakan selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan

2. TUJUAN

Tujuan Aturan-Aturan diwujudkan ialah untuk:-

- 2.1 Mengadakan kemudahan untuk membolehkan anggota menyimpan wang melalui aktiviti ini.
- 2.2 Menjalankan aktiviti ini dengan sempurna.
- 2.3 Mengawal akan perjalanan aktiviti ini.
- 2.4 Mendapatkan kumpulan modal untuk menjalankan aktiviti-aktiviti Koperasi ini selaras dengan Undang-undang Kecil 8

3. TAFSIRAN

- 3.1 “Akta” maknanya Akta Koperasi 1993 dan termasuk sebarang pindaan yang diperbuat kepadanya dari masa ke semasa.
- 3.2 “anggota” ertinya seseorang yang telah diterima menjadi anggota Koperasi ini dan yang telah memenuhi kehendak undang-undang kecil 15(1);
- 3.3 “aktiviti ini” maknanya segala urusan yang dijalankan dibawah Aturan-Aturan ini.
- 3.4 “Aturan-Aturan” maknanya Aturan-Aturan Bagi Menjalankan Aktiviti Simpanan Khas Koperasi Jimat Cermat **dan** Pinjaman Mercantile Berhad ini dan “Aturan” hendaklah diberi maknanya sebagai sesuatu peruntukan dalam Aturan-Aturan.
- 3.5 “Juruaudit Luar” maknanya Juruaudit yang dilantik menjalankan audit keatas akaun Koperasi ini di bawah undang-undang kecil 70;
- 3.6 “Koperasi ini” maknanya Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad.
- 3.7 “Laporan Tahunan Lembaga” maksudnya Laporan Lembaga yang disebut dalam undang-undang kecil 33 (1)(b);
- 3.8 “Lembaga” maknanya Lembaga Koperasi ini yang dibentuk menurut Undang-Undang Kecil 37.
- 3.9 “Peraturan-Peraturan” maknanya “Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 yang diperbuat dibawah Akta dan termasuk sebarang pindaan yang diperbuat kepadanya dari masa ke semasa.

*Pindaan
MAPT 250606*

- 3.10 “penyimpan” maknanya anggota yang menyertai aktiviti ini;
- 3.11 “simpanan khas” maknanya wang yang telah didepositkan oleh seseorang anggota dengan Koperasi ini dengan niat nyatanya untuk menggunakan wang yang didepositkan itu untuk suatu maksud yang nyata;
- 3.12 “Undang-undang Kecil” maknanya Undang-undang Kecil Koperasi dan termasuk sebarang pindaan berdaftar kepadanya.

4. MAKSUD-MAKSUD SIMPANAN KHAS

Seseorang penyimpan boleh membuat simpanan khas untuk maksud-maksud berikut:

Membina, membeli atau memperbesarkan rumah kediaman;

Membeli tanah-tanah;

Membiayai perbelanjaan hari **kebesaran** atau perayaan dan pelancongan;

Membayar premium insuran;

Membiayai perbelanjaan perubatan;

Membiayai perbelanjaan pelajaran anggota atau tanggungannya;

Maksud-Maksud lain yang dipersetujui oleh Lembaga.

5. PENGURUSAN

Tertakluk kepada undang-undang kecil dan Aturan-Aturan ini, pengurusan aktiviti ini adalah terserah kepada Lembaga.

6. PERJALANAN AKTIVITI INI

6.1 Satu akaun **berasingan** akan dibuka di atas nama setiap penyimpan.

6.2 Penyimpan hendaklah membuat simpanan dalam akaunnya sekurang-kurangnya sekali sebulan.

6.3 Jumlah minima simpanan khas yang boleh dibuat ialah RM5.00 se transaksi.

6.4 Penyimpan boleh mengeluarkan wang dari akaun simpanan khasnya pada bila-bila masa dengan memberi notis selama dua puluh empat jam dalam borang tertentu yang disediakan oleh Koperasi.

6.5 Koperasi akan bayar faedah ke atas simpanan khas di atas kadar yang sama dengan kadar faedah yang dikenakan oleh Koperasi ke atas Pinjaman Peribadi kepada anggota.

6.6 Penyata akaun simpanannya akan dihantarkan kepada setiap penyimpan sekali setahun.

Pindaan
MAPT 250606

Pindaan
MAPT 250606

7. **AUDIT**

Pengauditan akaun aktiviti ini adalah sebahagian dari tugas-tugas Juruaudit Luar Koperasi ini.

8. **LAPORAN**

Laporan mengenai aktiviti ini hendaklah dimasukkan dalam Laporan Tahunan Lembaga.

9. **PINDAAN**

Mesyuarat agung perwakilan boleh dari masa ke semasa, atas perakuan Lembaga atau cadangan bertulis perwakilan yang telah terlebih **dahulu** dimasukkan dalam agendanya untuk meminda Aturan-aturan ini.

*Pindaan
MAPT 250606*

mercantile